



# Yang Indah Itu Bahasa

Sumbangan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak



## Simposium Bahasa dan Budaya Iban dan Folklor Borneo/Kalimantan: Melestarikan warisan peradaban bangsa

Oleh Hazami Jahari

**PENUMPUAN** terhadap pembangunan ekonomi negara tidak harus meminggirkan pengkajian terhadap bahasa, sastera dan budaya peribumi. Perlu ada keseimbangan antara lonjakan kemajuan ekonomi dengan pemantapan jati diri masyarakat. Dengan keseimbangan ini, transformasi negara ke arah negara maju menjelang tahun 2020 akan lebih memberikan makna.

Sehubungan dengan itu, Simposium Bahasa dan Budaya Iban dan Folklor Borneo/ Kalimantan telak diadakan pada 2 hingga 4 November 2012 di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak. Dalam simposium ini, sebanyak 21 kertas kerja telah dibentangkan. Para pembentang terdiri daripada sarjana, pengkaji dan peneliti bahasa serta penggiat budaya Iban dan peminat folklor dari Malaysia dan Kalimantan.

Tema simposium ialah "Kelestarian Alam, Perseki-

taran dan Budaya" yang menjurus kepada bahasa dan budaya Iban serta pemugaran folklor etnik di Borneo/ Kalimantan. Ucapan utama yang pertama disampaikan oleh Profesor Emeritus Dato' Asmah Haji Omar dengan tajuk "Kosmos dalam Cerita Rakyat Iban".

Dalam ucapan utama ini, beliau menjelaskan peranan cerita rakyat sebagai manifestasi daripada alam pemikiran, kepercayaan dan adat budaya masyarakat Iban. Cerita rakyat Iban bukanlah semata-mata cerita dongeng atau penglipur lara. Di dalamnya terdapat banyak maklumat dan ilmu pengetahuan. Tetapi tafsiran untuk sampai kepada maklumat dan ilmu pengetahuan itu tidaklah boleh dibuat secara harfiah, kerana keseluruhan cerita, bahkan episod-episod dalam cerita, merupakan metafora bagi kejadian dan pengajaran yang relevan bagi sepanjang zaman.

Ucapan utama yang kedua yang bertajuk, "Maka Berkisahlah Borneo" disampaikan oleh Profesor Emeritus

Muhammad Haji Salleh. Keseluruhan pembentangan ucapan utama ini berkisah tentang sumber folklor yang kaya di Borneo/Kalimantan. Masih terlalu banyak warisan sastera dan budaya lisan yang masih belum dikaji dan diketengahkan kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, beliau menyarankan agar pengkajian terhadap folklor di pulau yang ketiga besar di dunia ini perlu digiatkan.

Para pengkaji dan sarjana tempatan wajar lebih berani meneroka dan menjalankan kajian lapangan. Sudah sampai masanya kita kembali kepada warisan yang terabai di belakang rumah dan di belakang sempadan. Dan bukanlah tugas orang luar untuk melakukan semua ini. Di Malaysia dan Indonesia yang sudah terpelajar dan belajar tentang peri pentingnya jati diri cukup ramai, dan merekalah yang harus mengumpulkan dan mengka-jinya.

Sementara Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Mohd. Rosli Saludin menyampaikan ucapan

utama ketiga, bertajuk "Pengaruh Minangkabau dalam Adat dan Budaya Etnik Suluk Sabah". Beliau menjelaskan bahawa terdapat pengaruh budaya Minangkabau yang jelas dalam adat dan budaya etnik Suluk di Sabah dan juga orang Sulu di Kepulauan Sulu, Filipina. Misalnya, adat yang diamalkan oleh kedua bangsa ini sangat megah dengan salasilah keturunan kerana ini adalah kemegahan dan maruah sesuatu kelompok tersebut.

Simposium ini dianjurkan secara bersama oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM). Kegiatan ini juga mendapat kerjasama daripada DBP Cawangan Sarawak, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Sarawak Convention Bureau, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SAL-CRA) dan Yayasan Tun Jugah. Peserta seminar terdiri daripada pensyarah

dan pelajar IPTA, peneliti dan pengkaji budaya, penulis, guru dan peminat bahasa dan budaya tempatan.

Tujuan utama kegiatan ini adalah untuk memastikan kelestarian bahasa dan budaya Iban serta warisan folklor Borneo/Kalimantan yang kian terpinggir kesan daripada penumpuan ekonomi. Selain itu, pemugaran dan pelestarian sastera lisan ini akan dapat menjadi simbol unik dalam budaya masyarakat hasil daripada tradisi turun temurun yang menjadi milik bersama. Pada akhirnya, simposium ini dapat menggariskan arah masa depan warisan bersama ini dan seterusnya dapat mengumpul dan mendokumentasikan penemuan baharu.

Bahasa dan budaya Iban merupakan unsur penting dan besar dalam kebudayaan masyarakat peribumi di Sarawak. Folklor Borneo/ Kalimantan juga masih kaya dan subur dan memerlukan kajian dan dokumentasi. Simposium yang diadakan ini

dapat dijadikan langkah permulaan ke arah usaha pelestarian warisan budaya tradisi yang lebih besar pada masa hadapan. Yang lebih penting, para sarjana dan pengkaji dapat memberikan perspektif baharu dalam pengajian bidang folklor di Malaysia selain menampilkan kesejajaran tradisi lisan dengan perubahan zaman.

Lebih dasar daripada itu, menurut Profesor Emeritus Muhammad Haji Salleh, kajian terhadap warisan etnik, iaitu bahasa, sastera dan budayanya akan dapat menyumbang kepada kebudayaan besar kebangsaan yang tidak mungkin wujud tanpa dasar budaya etnik yang pelbagai dan warna-warni pula. Ini adalah kekayaan yang paling berharga dan paling tua di Malaysia dan inilah juga tempat kita berpijak.

Majlis perasmian simposium telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Encik Robert Lawson Chuah anak Vincent, Menteri Muda Kebajikan Sarawak. Dalam ucapan perasmiannya, Yang Berhormat, berharap usaha

pengkajian dan pelestarian budaya etnik tempatan dapat dijalankan dengan lebih aktif. Sementara majlis penutupan simposium pula dilakukan oleh Dr. Amran Joned, Pengarah DBP Cawangan Sarawak. Pada majlis tersebut, Dr. Amran Joned menyarankan agar kerjasama yang lebih jitu antara USM, UPSI, UNIMAS dan badan-badan budaya yang lain dengan DBP perlu diperkukuhkan lagi. Kerjasama ini penting dalam usaha bersama memartabatkan bahasa dan sastera kebangsaan, termasuk pelestarian budaya etnik.

Seperti yang digariskan dalam matlamat, diharapkan simposium ini dapat memugar dan melestarikan bahasa dan budaya Iban serta folklor etnik di Borneo/Kalimantan. Semoga dalam seminar berikutnya tema-tema yang lebih rinci dan menyeluruh dapat dikaji. Sebagai permulaan diharapkan juga seminar ini dapat menimbulkan kesedaran budaya, yang penting pula untuk jati diri kebangsaan.